

A CARA bulanan, Baca Puisi PENA memperlihatkan nafas baru dengan persembahan menguja, sekali gus tidak lagi suram, sunyi dan dipenuhi kerusi tidak berpenghuni, meskipun hujan lebat mengiringi acara penghayatan puisi pada malam itu.

Persembahan istimewa mahasiswa Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), pimpinan Dr Fazilah Husin dan Milyana Arshad, pada acara anjuran Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENAMA) dengan kerjasama Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM), memberi kejutan.

Khalayak terpukau dengan persembahan teater pendek, *Noktah* oleh mahasiswa UPM, Adiba Anuar dan Mohammad Azwan Azhari, dengan kisah seorang ustaz serta pelacur yang sedang mencari diri, meninggalkan kehidupan mereka sebelum ini, lalu keluar dari alam ghaib.

Kemunculan penggiat seni veteran, Yasin Saleh, mendeklamasi dan menyanyikan puisi, *Simfoni Sepi*, mengundang rasa kagum khalayak kerana semangatnya untuk beraksi, meskipun sedang berperang dengan penyakit angin ahmar yang ditanggungnya.

*Bergetar di talian biola pilu
Berdebar di dada rebana paluan
Setiap malam pada sampai
bulan lelap
Setiap fajar yang menangguhkan tiba
Dalam gentar muzik duka
Aku berlagu tanpa nyanyi.*

Kemunculan empat penyair muda UPM, Imelda Ajik Anak Changgat, Norazerin Norzali, Kevin Yurik Pilai dan Nurhayati Diyana Muda yang beraksi dengan puisi, *Bahasa Bonda*, dalam

Kejutan Baca Puisi PENA



PERSEMBAHAN teater pendek Adiba dan Mohammad Azwan memukau penonton.



MILYANA (kiri) berduet bersama Andy Gomez.

Hujan lebat,
tetapi kerusi
penuh dan
khalayak
terpukau

bahasa Melayu, Inggeris, Sepanyol dan Iban, ternyata memberi kelainan.

Tepukan gemuruh turut diberikan kepada Imelda, gadis berbangsa Iban yang menterjemahkan puisi berkenaan ke dalam bahasa Iban dan menterjemahkan judulnya

sebagai *Jaku Indai*, menampilkan penghayatan memukau.

*Disusun manah nyadi jaku lalau
Jauh dikenang ngelangkau pulau
Lubah sereta lembut berayun
Nyerap jauh ke dalam, merap pengelikan.*

Penyair muda kelahiran Madura, Indonesia, Muhammad Gufron Abd Muin pula, menyampaikan puisi yang dikhususkan kepada pemimpin bahasa yang juga Ketua Pengarah, Dewan

Bahasa dan Pustaka (DBP), Dr Awang Sariyan, berjudul Kamus Kehidupan: Dr Awang Sariyan.

*Gerimis yang asyik
Tapak-tapak yang bijak
Dinding-dinding yang karib
Daunan gundah yang ghaib
Inilah pertemuan tak teragendakan
Dalam kamus kehidupan
Abadilah persahabatan.*

UPM ternyata mempunyai bakat besar dalam dunia kepenyairan dan nyanyian, apabila Juara Sayembara Deklamasi Peringkat IPTA 2007 yang juga ahli Kelab Deklamator Malaysia, Milyana Arshad tampil dengan persembahan mestamu.

Beliau melagukan *Duhai Angin* yang sarat makna berharga dengan berduet bersama-sama anak



BACAAN puisi Imelda Ajik mendapat tepukan gemuruh.

didiknya, Andy Gomez, mendapat tepukan gemuruh khalayak yang terpegun dengan persembahan mereka berdua.

*Bangkitlah duhai semangat
Maknakan perjuangan itu
Kotakan cita-cita nan satu
Biarkan angin yang dicangkul
Memberi nafas baru buatku.*

Lebih istimewa, persembahan selingan kumpulan nasyid popular tanah air, Persatuan Muzik Nasyid Malaysia (MURSYID) yang dianggotai ahli Hijjaz, Isman Nadim, Asri Ubai (Rabbani), Kumpulan Mestica, Kumpulan Huffaz, Dak Mie dan Ammar Hamdan.

Pilihan lagu popular dan alunan syahdu selawat bersama-sama khalayak Baca Puisi PENA menenangkan suasana, seolah-olah mengingatkan mereka kepentingan tidak melupakan agama Islam yang menjadi anutan mereka.

Turut beraksi malam itu ialah Dr Ibrahim Ghafar, Dr Mohamad Saleeh Rahamad, Ahmad Sarju, Dr Ahmad Razali Yusuf dan SM Zakir serta turut dimeriahkan penyanyi puisi handalan tanah air dari kumpulan Koprata, Sani Sudin dan Siso, selain Enche Abdullah Abdul Kadir.



KUMPULAN nasyid MURSYID.



Yasin Saleh



Dr Ahmad Razali



Gofron Abd Muin



Sani Sudin



Enche Abdullah